



**UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

SIARAN MEDIA

PENDEKATAN BAHARU MEMBASMI KEMISKINAN TEGAR

Satu kampung di daerah Sik, Kedah telah dicadang sebagai lokaliti pertama untuk projek rintis membasmi kemiskinan tegar secara holistik. Pendekatan baharu ini melibatkan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun, universiti, pertubuhan masyarakat sivil (CSO), organisasi berasaskan komuniti (CBO) setempat dan pihak swasta. Ini dibincangkan dalam sesi *Poverty Circle* Ke-5 yang diadakan pada hari ini. Sesi ini diadakan susulan lawatan saya ke Sik, Kedah pada 6 November 2021.

Sesi secara maya ini dihadiri YB Ahmad Tarmizi Sulaiman, Ahli Parlimen Sik, Datuk Saiful Anuar Lebai Hussien, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi, Datuk Ruji Ubi, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM, Dato' Dr. Megat Sany Megat Ahmad Supian, Pengarah Pembangunan Negeri Kedah dan Mahamad Suhaimi Man, Pegawai Daerah Sik. Turut hadir wakil Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Universiti Utara Malaysia (UUM), Yayasan Hasanah, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM), Kelab Anak-Anak Sik dan MyKASIH Foundation Dialog Group.

Perbincangan pada hari ini adalah bagi mengenal pasti pendekatan holistik yang lebih berkesan untuk menghapus kemiskinan tegar di lokaliti yang terpilih. Ia melibatkan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun universiti, CSO, CBO setempat dan pihak swasta. Usaha ini merupakan sebahagian daripada langkah

pelaksanaan strategi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang meletakkan sasaran untuk menghapus kemiskinan tegar pada tahun 2025 dengan mentransformasi pendekatan bagi membasmi kemiskinan tegar.

Selain di daerah Sik, program rintis membasmi kemiskinan tegar ini akan dilaksanakan di beberapa lokaliti lain seluruh negara. Pelaksanaan pendekatan baharu ini memerlukan pangkalan data yang tepat. Sehubungan ini, pemutihan data eKasih sedang dilaksanakan oleh pihak ICU bagi memastikan ketelusan dan ketepatan maklumat kumpulan sasar.

Berdasarkan pangkalan data eKasih pada masa ini, terdapat kira-kira 178 ribu ketua isi rumah (KIR) miskin tegar yang produktif iaitu berusia antara 15 hingga 60 tahun di seluruh negara.

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri, satu Unit Kemiskinan khusus telah ditubuhkan di EPU untuk menangani isu kemiskinan dengan penugasan semula fungsi dan perjawatan sedia ada. Kerajaan negeri juga dicadang agar menubuhkan unit yang sama di peringkat negeri dan daerah supaya dapat menumpukan sepenuhnya kepada hal-hal kemiskinan. Ini bagi memastikan pelaksanaan agenda pembasmian kemiskinan tegar akan lebih berfokus. Usaha-usaha menangani kemiskinan tegar ini akan diterajui bersama oleh EPU dan ICU.

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)
9 NOVEMBER 2021